



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GALAK KEMBAGKAN SEKTOR AKUAKULTUR, NEGERI KELANTAN, SH -27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PPNS TAMBAH PELABURAN RM19.5 JUTA, NASIONAL, SH -15	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3. 4. 5. 6. 7.	ENCOURAGE LOCAL FOOD PRODUCTION TO LOWER COST OF LIVING, NST -ONLINE ORANG ASLI TUAI PADI UNTUK STOK MAKANAN SETAHUN, NEGARA, KOSMO -18 NELAYAN ASING DIBERNAR MASUK, DALAM NEGERI, UM -1&3 1,000 EJOR IKAN HIASAN DIMUSNAH TANPA NOTIS, DALAM NEGERI, UM -33 1,000 EKOR IKAN HIASAN MUSNAH, NEGARA, KOSMO -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

26/2/2021

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN

27

Galak kembangkan sektor akuakultur

Bagi mengimbangi eksploitasi sumber laut dan meningkatkan ekonomi negara

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakan penglibatan dalam sektor akuakultur secara serius bagi mengimbangi eksploitasi sumber laut dan meningkatkan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, eksploitasi sumber perikanan tangkapan yang berlebihan juga menjadikannya sektor akuakultur pen-

ting dalam negara.

Menurutnya, sumbangan daripada sektor akuakultur berdasarkan kepada statistik pengeluaran pada tahun 2018 ialah sebanyak 391,465 tan metrik dengan nilai RM3.06 bilion.

"Pada tahun 2019 pula sebanyak 411,782 tan metrik bernilai RM3.30 bilion yang dikeluarkan dari komoditi air tawar, komoditi ikan marin atau payau dan rumpai laut dengan mencaitakan peningkatan kuantiti serta nilai.

"Daripada jumlah tersebut, Kelantan menyumbang sebanyak 6,449 tan metrik pengeluaran pada tahun 2019 dengan nilai RM57 juta," katanya di sini pada Khamis.

Beliau ditemui ketika melawat projek penternakan ikan siakap dan tilapia merah yang diusahakan Mohd Zain Md Daud di Kampung Pantai Kundor dengan purata pengeluaran 30 tan metrik setahun.

Che Abdullah bersama Pengarah Perikanan Kelantan,



Che Abdullah (dua dari kiri) bersama Nazri (kiri) melihat ikan tilapia merah yang dipelihara Mohd Zain (kanan) di Kampung Pantai Kundor, Kota Bharu pada Khamis.

Nazri Ishak turut melepaskan kira-kira 30,000 benih ikan sebagai komitmen kerajaan membantu penternakan mengusahakan ternakan ikan tilapia.

Katanya, di Kelantan terdapat kira-kira 21,343 bilangan

sistem ternakan seperti kandang ikan, kolam air payau, kolam air tawar, sangkar air payau diwujudkan di 10 daerah di negeri ini yang diusahakan 1,200 penternak aktif.

"Kerajaan akan sentiasa

menyokong usaha jabatan dan penternak dalam membangunkan lagi sektor ini di dalam negara dan terus membekalkan sumber protein yang dipertukan rakyat," katanya.

PPNS tambah pelaburan RM19.5 juta

Menerusi Skim Pelaburan Khas Peladang, Dana Peladang Kebangsaan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) menambah jumlah pelaburan sebanyak RM19.5 juta menerusi Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP), Dana Peladang Kebangsaan (DPK) yang bakal memberi manfaat pulangan terbaik untuk seluruh ahlinya.

Secara keseluruhan, jumlah dana PPNS bagi skim berkenaan buat masa ini adalah sebanyak RM20 juta, sekali gus menjadikannya



Abd Rahman (lima dari kiri) menyerahkan replika cek kepada Ali (tiga dari kanan) sebagai simbolik pada majlis ringkas di Ibu Pejabat PPNS pada Khamis.

Pengerusi Jawatankuasa Pemandu DPK Nafas.

Abd Rahman berkata, PPNS juga berkeyakinan DPK akan dapat memberi jaminan terbaik kepada setiap ahlinya yang mengharapkan pulangan dividen memuaskan menerusi skim tersebut.

“PPNS mempunyai rezeki yang lebih dan kita melabur menerusi skim ini yang secara tak langsung dapat membantu Nafas menerusi DPR bagi perkembangan ekonomi.

“Langkah itu juga turut memberi manfaat kepada seluruh ahli kami,” katanya.

DPK dilancarkan pada 17 Disember 2012 ketika Mesyuarat Agung Tahunan Nafas ke-39 di Kuala Lumpur dengan matlamat utama penubuhannya adalah untuk menyediakan perkhidmatan kewangan kepada anggota dan rangkaian pertubuhan peladang.

nar Harian selepas simbolik penyerahan replika cek pelaburan berkenaan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang berlangsung di Ibu Pejabat PPNS pada Khamis.

Hadir sama, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Ali Shikh Ahmad yang merupakan

sebagai pertubuhan peladang yang merekodkan jumlah pelaburan tertinggi di Malaysia.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPNS, Datuk Dr Abdul Rahman Bakri berkata, pihaknya berharap tambahan dana pelaburan itu dapat membantu ahli-ahlinya memperoleh hasil

pulangan saham terbaik menerusi skim berkenaan.

“Saya harap langkah ini dapat memaintan peranan untuk kita laburkan iaitu mungkin dengan pemberian hasil dividen lebih 10 peratus kepada ahli-ahli kami,” katanya kepada *Sir-*

ringkas di Ibu Pejabat PPNS pada Khamis.

sebagai pertubuhan peladang yang merekodkan jumlah pelaburan tertinggi di Malaysia.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPNS, Datuk Dr Abdul Rahman Bakri berkata, pihaknya berharap tambahan dana pelaburan itu dapat membantu ahli-ahlinya memperoleh hasil

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2021	NST	ONLINE	

Encourage local food production to lower cost of living



The practice of organic farming itself is not only good for health but also saves on household expenses. - STR/MOHD RAFI MAMAT

LETTER: We propose that in the interest of reducing the cost of living of consumers in the long run, efforts to enhance the production of local food whether at the household level, at the scale of gardens, farms or even in residential areas, should be increased.

A variety of the latest technology is easily available for every home to produce vegetables, fruits, medicinal herbs and even fish and small livestock farming.

Learning to prepare compost from kitchen waste is still not yet popular enough, so it needs to be expanded in all residential areas.

The practice of organic farming itself is not only good for health but

also saves on household expenses.

We propose it is necessary to revive the concept of the Green Book Plan that was introduced in 1974. The goal of the plan is clear and was correct not only then but for the future which is to reduce dependence on food imports and overcome the issue of rising inflation.

The GBP has emphasised the use of idle agricultural land. Idle agricultural land is very vast in this country and cannot be left unproductive without yielding food for the needs of the local community.

In 2019, the Department of Agriculture identified an area of 103,563 hectares of idle land involving 46,382 lots in Peninsular Malaysia, including in the Federal Territory of Labuan. Pahang and Selangor have the highest area of idle agricultural land at 29,000 ha and 20,000 ha respectively.

With the realisation that the world is facing various economic uncertainties due to epidemics, currency depreciation, rising cost of living, natural disasters, conflicts and wars, Malaysian consumers need to step up their readiness to face increasingly critical situations.

The almost one-year experience of the Covid19 pandemic should be enough to alert consumers in the country to prepare for more critical situations.

Economic recovery will take time, therefore a change in lifestyle and culture of prudent consumerism need to be practiced.

We would like to remind consumers that the country still bears high food import bills, over RM56 billion a year. Not only does this affect the high outflow of money out of the country but the food security of the country will also be insecure.

Malaysian consumers need to remember that although the country is said to be a 'food paradise', most food ingredients are not from local sources.

Malaysia obtains vegetables, fruits and meats from at least 120 countries, importing more than 50 types of fresh and frozen ingredients to satisfy the tastes of the people, especially food lovers.

The consequences of the Covid-19 pandemic indicate that food imports will be exposed to rising costs due to volatile supply and the country will have to comply with the prices offered from exporting countries.

Although there is already a focus given to the issue of food safety assurance, however the development is still slow and not enough to make a large-scale impact.

The combination of modern and traditional technologies in food farming needs to be implemented so that the strengths of both approaches can be utilised by every small entrepreneur.

Consumers need to realize that for years to come, with the trend of various crises emerging, the country cannot be guaranteed access to food from outside.

All relevant parties need to expedite the process of reducing food imports through R&D, food production incentives as well as local food production schemes.

Orang Asli tuai padi bukit untuk stok makanan setahun

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Cuaca panas yang melanda negara ketika ini memberi rahmat kepada 246 keluarga Orang Asli di Pos Bihai di sini apabila tiba musim untuk mereka menuai padi huma atau dikenali sebagai padi bukit.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, penduduk di kawasan itu mengusahakan padi bukit sejak turun-temurun yang dijadikan sebagai tanaman untuk makanan selisi keluarga.

Menurutnya, padi bukit yang ditanam pada Ogos dan September tahun lalu sudah masak dan kini boleh dituai pada musim ini iaitu dalam tempoh tiga bulan.

"Kami mengusahakan tanaman padi bukit kerana sukar untuk mendapatkan bekalan beras berikutan kampung kami berada jauh di kawasan pedalaman.

"Kira-kira 10 buah keluarga Orang Asli di Pos Bihai mampu menuai hasil sebanyak 20 guri atau satu tan padi pada musim ini.

"Hasil tuaiannya sebanyak ini mampu menampung keperluan keluarga dalam tempoh setahun," katanya kepada Kosmo/semalam.

Alang memberitahu, padi bukit tersebut diusahakan sejak dahulu lagi untuk menampung bekalan makanan mereka selain daripada tanaman ubi kayu serta jagung.

Katanya, tanaman padi tersebut juga ditanam selama lima hingga enam bulan berbanding padi sawah sekitar tiga



KELUARGA Orang Asli menuai padi bukit yang ditanam di Pos Bihai, Gua Musang baru-baru ini.

bulan sahaja.

Sementara itu, seorang suri rumah Orang Asli, Awdh Satu, 40, memberitahu, dia berharap pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dapat membantu menyediakan peralatan moden untuk memproses padi bukit.

Ujarnya, ketika ini mereka masih lagi menggunakan kaedah tradisional termasuk menumbuk padi menggunakan lesung yang diperbuat

daripada kayu.

"Cuaca panas sejak pertengahan Januari lalu memberi rezeki kepada kami di sini yang mula menuai padi bukit.

"Bagaimanapun, banyak proses yang perlu dilalui kerana kami masih lagi menghasilkan beras menggunakan cara tradisional.

"Kami berharap pihak JAKOA membantu menyediakan peralatan lebih moden untuk memproses padi bukit," ujarnya.

Nelayan asing dibenar masuk

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Lebih 400 pemilik bot laut dalam di negeri ini menarik nafas lega apabila mereka diberi kebenaran membawa masuk pekerja nelayan asing dari Thailand mulai minggu hadapan.

Ini bermakna aktiviti penangkapan ikan laut dalam dapat beroperasi semula selepas hampir lumpuh berikutan ketiadaan tekong dan awak-awak warga asing yang tidak dibenarkan masuk ke negara ini sejak penutupan pintu sempadan ekoran penularan pandemik Covid-19, Mac tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pegawai Khas Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah (PPBINK), S. Sivakumar berkata, kebenaran membawa masuk pekerja nelayan asing untuk industri laut dalam itu penting bagi memastikan bekalan ikan mencukupi di pasaran negara.

Nelayan asing dibenar masuk

Dari muka 1

Ini kerana, katanya, kebanyakan bot terbabit tidak dapat beroperasi selepas pekerja nelayan asing dari Thailand tidak dibenarkan memasuki negara ini sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

"Pada setiap bulan, dianggarkan seramai 30 hingga 50 pekerja nelayan dari Thailand akan dibawa masuk ke negara ini untuk bekerja dalam industri bot laut dalam," katanya.

Utusan Malaysia pada 20 Februari lalu melaporkan kerajaan dijangka berbelanja besar

untuk mengimport bekalan dari luar negara bagi menampung permintaan di pasaran berikutan industri perikanan laut dalam di negara ini berisiko lumpuh kerana kebanyakan bot nelayan tidak dapat beroperasi kira-kira setahun lalu.

Sivakumar berkata, kemasukan pekerja asing itu akan diuruskan oleh PPBINK selepas mendapat kerjasama Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla, Thailand dan kerajaan negeri menerusi pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Imigresen.

Menurutnya, kesemua pekerja nelayan asing yang di-

benarkan masuk negara ini perlu mempunyai dokumen pengesahan negatif Covid-19 daripada Kementerian Kesihatan Thailand dan diluluskan Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla.

"Pekerja nelayan asing tidak dibenarkan memasuki negara ini dan diberikan kelulusan untuk mendapatkan *My Travel Pass* yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya tidak mempunyai surat pengesahan negatif Covid-19.

"Selain itu, nelayan asing yang dibenarkan memasuki negara ini perlu menjalani saringan Covid-19 sekali lagi dan

kuarantin di sini dalam tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan sebelum memohon Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)," katanya.

Beliau memberitahu, kesemua kos dokumen membawa masuk pekerja nelayan asing, saringan covid dan tempat kuarantin itu akan ditanggung oleh pemilik bot.

"Kos membawa masuk pekerja nelayan asing melalui PPBINK dianggarkan antara RM4,000 hingga RM5,000 seorang berbanding lebih RM8,000 seorang sekiranya menggunakan agensi lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

1,000 ekor ikan hiasan dimusnah tanpa notis

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**
utusannews@mediamulla.com.my

GEORGETOWN: Seorang pengusaha ikan hiasan merayu campur tangan mana-mana pihak dalam membantunya meneruskan aktiviti pertanian bandar di Tanjung Bungah di sini selepas kerugian RM30,000 apabila mendakwa ikan peliharaannya dimusnahkan pihak berkuasa Jun tahun lalu.

Shahrizal Ahmad, 34, berkata, kawasan pemeliharaan ikan dan tanaman pokok herba di atas tanah lot itu didakwa dimusnahkan pihak berkuasa tanpa sebarang notis pada 11 Jun tahun lalu.

Katanya, dia juga buntu selepas menerima notis pencerobohan tanah kerajaan serta peringatan akhir pengosongan masing-masing bertarikh 3 November tahun lalu dan 11 Februari lalu.

Jelasnya, tanah yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu itu adalah tapak tanaman ubi kayu dan kediaman datuknya, Saad Ari yang meninggal dunia pada 2003.

Bagaimanapun, dia yang bekerja di sebuah hotel di Batu Feringghi mengakui kawasan hutan bersebelahan dengan kuarters kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu adalah milik kera-



SHAHRIZAL Ahmad menunjukkan ternakan ikan hiasan yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu di Lot 3831, Tanjung Bungah, Georgetown, Pulau Pinang semalam. - **UTUSAN/NOOR HASLIZA NUSI**

jaan negeri dan telah dijaganya sejak sekian lama.

“Sudah tiga tahun saya mengusahakan kawasan ternakan ikan hiasan seperti ikan laga dan kapi serta tanaman pokok herba di sini tanpa sebarang gangguan oleh mana-mana pihak.

“Aktiviti jualan menerusi Facebook dan WhatsApp sedikit

sebanyak membantu menambah pendapatan saya yang terjejas teruk ekoran pandemik Covid-19. Saya kini hanya menerima suku daripada pembayaran gaji pokok,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Shahrizal mendakwa, dianggarkan 1,000 ekor ikan hiasan masing-masing 20 spesies ikan

laga dan tujuh ikan kapi mati setelah bekas serta akuarium ternakan hidupan itu diserungkup ke tanah.

“Saya pernah menghantar surat permohonan untuk menjadikan lokasi ini sebagai tapak tanaman organik kepada wakil rakyat di sini memandangkan kos sewa tanah yang mahal selain menyahut serbuan kerajaan berhubung aktiviti pertanian bandar namun sehingga kini masih tiada sebarang jawapan,” katanya.

Antara ikan laga yang diternakannya adalah jenis *Super Red*, *Platinum*, *Plakat*, *Half Moon*, *Samurai* dan *Super Black* dengan harga jualan dari RM30 hingga RM300 seekor manakala sepasang ikan kapi dijual antara RM16 hingga RM40.

Sementara itu, Pengerusi Surplus Pulau Pinang, Sophian Mohd. Zin berkata, pihaknya turut mempersoalkan tindakan pihak berkuasa terhadap usaha yang dilakukan anak muda itu dalam keadaan pandemik masih belum berakhir.

“Sepatutnya pihak berkaitan berbincang dan cari jalan penyelesaian bagi membantu pemuda itu mengusahakan pertanian bandar di Georgetown,” ujarnya.

Penternak rayu bantuan wakil rakyat teruskan aktiviti pertanian bandar 1,000 ekor ikan hiasan musnah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Seorang penternak ikan hiasan merayu campur tangan wakil rakyat dalam membantunya meneruskan aktiviti pertanian bandar di Lot 3831, Tanjung Bungah di sini. Rayuan itu buat Shahrizal Ahmad, 34, selepas berdepan kerugian sehingga RM30,000 setelah pelbagai jenis ikan hiasan termasuk ikan laga serta gapi yang diusahakannya di lot tanah itu dimusnahkan pada Jun 2020.

Antara ikan laga yang diternakinya adalah jenis Super Red, Platinum, Plakat, Half Moon, Samurai dan Super Black dengan harga jualan antara RM30 hingga RM300 seekor, manakala sepasang gapi dijual sehingga RM40.

Shahrizal berkata, tanah yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu itu adalah tapak tanaman ubi kayu serta tapak ru-

mah datuknya.

Dia yang bekerja di sebuah hotel di Batu Feringghi mengakui lot berkenaan yang terletak bersebelahan kuarters kakitangan Jabatan Kerja Raya itu adalah milik kerajaan negeri yang telah dijayanya sejak sekian lama.

"Sudah tiga tahun saya mengusahakan ternakan ikan hiasan serta tanaman pokok herba tanpa sebarang gangguan oleh mana-mana pihak.

"Jualan dibuat di Facebook dan WhatsApp. Hasilnya dapat membantu menambah pendapatan saya yang terjejas akibat Covid-19. Sekarang ini, saya hanya menerima suku daripada bayaran gaji pokok bekerja di hotel.

"Bagaimanapun, kawasan pemeliharaan ikan dan tanaman pokok herba yang diusahakan saya telah dimusnahkan pihak berkuasa tanpa sebarang notis pada 11 Jun tahun lalu," katanya

ketika ditemui Kosmo semalam.

Shahrizal mendakwa, dianggarkan 1,000 ekor ikan hiasan masing-masing terdiri 20 spesies ikan laga dan tujuh jenis ikan gapi maii setelah bekas serta akuarium ternakan itu ditiarap ke tanah.

"Saya kecewa dengan tindakan sedemikian tanpa membuat sebarang rundingan. Saya berdepan kerugian hampir RM30,000.

"Saya pernah hantar surat permohonan untuk menjadikan lokasi ini sebagai tapak tanaman organik kepada wakil rakyat, namun belum ada jawapan.

"Malah, saya menerima notis pencerobohan tanah kerajaan serta peringatan akhir pengosongan yang bertarikh 3 November tahun lalu dan 11 Februari lalu. Selepas ini, saya tak tahu di mana lagi saya mahu usahakan aktiviti ini," ujarnya.



SHAH-RIZAL memajukan ternakan ikan hiasan yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu di Lot 3831, Tanjung Bungah, George Town semalam.